

30 NOV 1999

Pilihan raya

BN BERKUASA SEMULA DENGAN MAJORITI DUA PERTIGA, TERENGGANU TEWAS

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memimpin Barisan Nasional (BN) kepada satu lagi kemenangan besar dengan memperolehi majoriti dua pertiga, bagaimanapun Terengganu ditawan Parti Islam SeMalaysia (PAS).

BN memperolehi 148 daripada 193 kerusi Parlimen, 20 kerusi melebihi dua pertiga.

Pas, yang bertanding dengan berpadu tenaga dengan tiga lagi parti pembangkang menentang BN satu lawan satu di kebanyakan 193 kerusi Parlimen dan 393 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), Pas memperolehi kejayaan besar berbanding parti-parti pembangkang yang lain, yang bergabung dalam Barisan Alternatif.

Pas memenangi 27 kerusi Parlimen, lebih tiga kali ganda daripada lapan yang dimenangi dalam pilihan raya sebelum ini, kesemua kemenangan itu adalah atas kekalahan calon Umno, parti utama BN yang diketuai oleh Dr Mahathir, beliau menang di kerusi Parlimen Kubang Pasu di negeri kelahirannya Kedah.

Pas juga mengekalkan kerajaan negeri Kelantan bagi penggal ketiga dengan margin yang lebih besar. Pas memenangi 13 daripada 14 kerusi Parlimen, satu-satunya calon kerusi Parlimen BN, yang juga pengerusi perhubungan Umno negeri yang menang ialah Tengku Razaleigh Hamzah di Gua Musang.

Ia mencatat rekod memperolehi 41 daripada 43 kerusi DUN, mengetepikan ramalan bahawa BN akan menawan negeri Kelantan kali ini.

Agak mengagumkan ialah kemenangan Pas di Terengganu, yang mempunyai royalti tahunan petroleum sekurang-kurangnya RM400 juta daripada Petronas untuk dibelanjakan oleh kerajaan negeri Pas yang baru. Pas memenangi 28 daripada 32 kerusi DUN dan kesemua lapan kerusi Parlimen di negeri itu.

Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, yang telah memerintah negeri itu lebih 25 tahun, yang tewas kali ini berkata beliau terperanjat dengan kekalahan itu.

Mengaku kalah beliau berkata, "Saya menerima kekalahan itu kerana ia adalah kehendak rakyat."

Walaupun BN memenangi majoriti dua pertiga, pilihan raya kali ini juga memberi tamparan hebat kepadanya kerana empat menterinya tewas.

Menteri yang kalah ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Megat Junid Megat Ayob, Menteri Pembangunan Usahawan yang juga Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa dan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Beberapa timbalan menteri juga gagal mempertahankan kerusi mereka. Mereka terdiri daripada tiga timbalan menteri dari Terengganu, Datuk Abu Bakar Daud, Datuk Tengku Mahmud Mansor dan Datuk Idris Jusoh, dan Datuk Ibrahim Ali dari Kelantan.

Sementara itu, Pesuruhjaya Pas Terengganu Abdul Hadi Awang meminta rakyat negeri Terengganu untuk menerima keputusan pilihan raya itu.

Beliau yang mengucapkan terima kasih kepada rakyat, termasuk para pekerja Pas kerana memberi mandat kepada Pas untuk memerintah negeri itu, Abdul Hadi, yang dijangka akan menjadi Menteri Besar yang baru berkata:

"Mari kita bekerja sama untuk memerintah negeri kita dengan cara terbaik kita boleh .. moga-moga diberkati Allah."

Semasa Parlimen dibubarkan pada 11 Nov lepas bagi membolehkan pilihan

raya ke-10 dijalankan, BN yang terdiri daripada 14 parti komponen memegang 166 kerusi.

Dr Mahathir hari ini mengumumkan bahawa BN memenangi kesemua negeri dengan majoriti dua pertiga kecuali Kelantan dan Terengganu yang tewas kepada Pas.

"Kita akan membentuk kerajaan pusat secepat mungkin selepas mendapat keputusan rasmi," katanya dengan mendapat tepukan daripada para penyokong yang telah menunggu keputusan sekian lama.

Dr Mahathir, yang memimpin BN untuk pilihan raya kelimanya, dalam masa 18 tahun beliau sebagai perdana menteri, berkempen dengan tidak jem-jemu dengan masej kepada rakyat agar memberikan majoriti dua pertiga.

Majoriti dua pertiga diperlukan untuk meminda Perlembagaan Negara, tetapi Dr Mahathir telah berkata banyak kali, majoriti itu juga diperlukan untuk membentuk kerajaan yang kuat untuk membawa Malaysia ke alaf baru.

Ditanya berkaitan kekalahan, negeri yang kaya dengan petroleum, Terengganu beliau berkata " Ada kalah ada menang."

Beliau berkata pembangkang juga kalah beberapa pemimpin besar mereka seperti setiausaha agung DAP Lim Kit Siang dan naib pengerusi kebangsaan Karpal Singh.

Ini adalah kekalahan pertama Lim bagi kerusi Parlimen, sejak lapan kali bertanding dalam pilihan raya sejak tahun 1969.

"Jelas BN masih lagi parti pilihan rakyat Malaysia," katanya.

Mengakui kekalahan di Terengganu, yang dikuasai BN sejak 1961, dan kegagalan BN untuk menawan Kelantan daripada Pas, Dr Mahathir berkata, " Malangnya kita kalah dua negeri kepada pembangkang. Kita akan memenangnya semula lain kali."

Sementara itu, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, isteri bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, menjadi pemegang obor untuk suaminya.

Dr Wan Azizah presiden Keadilan dan memenangi kerusi Parlimen Permatang Pauh, yang sebelum ini dimenangi Anwar dalam empat pilihan raya sebelum ini.

Anwar digembar-gemburkan oleh Barisan Alternatif sebagai calon perdana menteri jika barisan itu menang, tetapi Anwar tidak bertanding, beliau sedang menjalani hukuman penjara enam tahun kerana kesalahan menyalahgunakan kuasa.

Dr Wan Azizah dalam ulasanya yang pertama selepas kemenangan berjanji akan menangani beberapa isu.

Melalui temu bual melalui telefon dengan CNN, beliau berkata antara isu tersebut ialah rasuah, penyalahgunaan kuasa dan ketidakjelasan antara perundangan dan ekskutif dalam sistem pentadbiran Malaysia.

Wan Azizah berkata kemenangannya bermakna "majoriti pengundi telah memberikan saya mandat."

-- BERNAMA

AU SHY RI